

# Pendayaupayaan Komuniti Melalui Penglibatan: Satu Penilaian Umum Terhadap Pembangunan Komuniti di Malaysia

**Asnarulkhadi Abu Samah**

---

## **Abstrak**

Artikel ini cuba membincangkan apakah wujud pendayaupayaan komuniti (*community empowerment*) dalam proses pembangunan komuniti. Medium terbentuknya komuniti yang berdayaupaya adalah menerusi penglibatan. Namun apakah semua penglibatan dalam usaha membangunkan komuniti mengizinkan pendayaupayaan komuniti berlaku? Apakah bentuk tindakan dan amalan yang telah mengizinkan pendayaupayaan komuniti berlaku? Apakah bentuk tindakan dan amalan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh ahli-ahli komuniti dalam usaha mereka membangunkan atau meningkatkan taraf hidup dapat dikatakan sebagai komuniti yang berdaya upaya. Proses membentuk komuniti yang berdaya upaya memerlukan persekitaran kondusif yang memberi ruang dan peluang kepada ahli komuniti berfikir, membuat keputusan sendiri dan bertindak mencapai apa yang mereka hajati tanpa pengaruh luar. Apakah bentuk persekitaran dan penglibatan serta mekanisma yang mempengaruhi proses pendayaupayaan dalam kerja dan amalan pembangunan komuniti dibincangkan bersama dalam artikel ini.

---

## **PENDAHULUAN**

Pendayaupayaan atau '*empowerment*' dalam bahasa Inggeris merupakan satu konsep yang telah diguna pakai dalam pelbagai bidang seperti kerja sosial, sosiologi, politik, pentabiran, pengurusan dan sebagainya. Penggunaan istilahnya pun berbeza-beza. Antara istilah lain yang pernah digunakan bagi membawa maksud yang lebih kurang sama adalah seperti 'memperkasa', 'pengupayaan' dan 'pemberdayaan'. Pendayaupayaan

---

Asnarulkhadi Abu Samah PhD, is currently the Deputy Dean of Graduate and Research, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia. Serdang, Malaysia.

adalah satu proses dan juga produk (hasil). Ia boleh berlaku dalam proses pembangunan komuniti menerusi penglibatan. Melalui penglibatan banyak faedah yang mungkin diperolehi oleh komuniti sama ada bersifat kebendaan dan bukan kebendaan yang mampu meningkatkan keupayaan, kemampuan dan kebolehan mereka. Hasilnya ialah komuniti yang berdikari dan berdaya upaya. Bagaimana pembangunan komuniti boleh menjadi asas kepada pendayaupayaan berlaku menerusi penyertaan menjadi fokus penulisan ini. Dinamiknya hubungan antara darjah penglibatan, kuasa, kebebasan dan penggunaan hak oleh komuniti dalam mencernakan pembentukan pendayaupayaan komuniti juga penting difahami dan diteliti. Pendayaupayaan bukan sesuatu yang membahayakan. Komuniti yang berdaya upaya boleh menyemarakkan lagi usaha membangunkan komuniti dengan meningkatkan lagi penyertaan dalam proses pembangunan secara menyeluruh.

## PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Pembangunan komuniti boleh dianggap sebagai satu usaha bertujuan membawa perubahan dalam kehidupan komuniti. Perubahan ini bersifat progresif dan pelbagai dimensi. Ia meliputi perubahan kebendaan (*material*) yang sering dirujuk sebagai perubahan dalam aspek ekonomi iaitu bila berlakunya peningkatan dalam pendapatan. Ada pula yang melihat dari perspektif perubahan sosial bilamana berlaku perubahan cara hidup yang tradisional kepada amalan cara hidup moden. Sering juga dikatakan terdapat hubungan antara perubahan ekonomi dengan perubahan sosial. Apabila bertambahnya pendapatan seseorang, peluang hidup turut berubah. Ia membolehkan seseorang itu mendapatkan rawatan kesihatan, makanan berkhasiat, memberi pendidikan kepada anak-anak, memperbaiki tempat tinggal dan sebagainya. Pembangunan juga sering diiringi dengan perubahan sikap yang lebih positif, optimistik, mahu mencuba dan ingin maju menggantikan sikap pesimistik atau sikap tunggu dan lihat. Komuniti yang melalui proses pembangunan juga dapat dicirikan dengan mereka yang berfikiran terbuka, matang dan rasional sehingga dapat mengenepikan cara berfikiran yang sempit dan tahuyl. Secara umum, proses pembangunan komuniti melibatkan satu anjakan, dan anjakan yang sering diharapkan berlaku adalah yang positif. Ini bermakna dalam pembangunan komuniti, perubahan atau kemajuan yang dapat dianggap sebagai produk kepada proses pembangunan itu adalah sesuatu yang dapat memberi kebaikan, kebajikan atau kesejahteraan kepada komuniti.

Matlamat pembangunan komuniti ialah peningkatan taraf hidup yang meliputi semua aspek kehidupan manusia. Bila taraf hidup meningkat, kesejahteraan dan keselesaan hidup juga dikatakan bertambah baik dan akan disusuli dengan peningkatan dalam kualiti hidup. Perubahan-perubahan positif yang dapat dinikmati oleh setiap individu dapat membantu meningkatkan lagi prestasi rol masing-masing. Dalam erti kata lain, keselesaan hidup yang dinikmati akibat daripada perubahan taraf kehidupan memungkinkan seseorang itu berpeluang menikmati hidup dengan lebih ceria dan selesa yang nanti mampu pula meningkatkan peranan sosialnya dalam konteks famili dan komuniti. Meningkatnya kefungsian sosial setiap individu dalam komuniti dapat pula membina dan mengekalkan komuniti sivil yang disifatkan sebagai komuniti yang hidup harmoni dan teratur serta tiada berlakunya serak berai institusi sosial dalam komuniti. Kehidupan yang teratur, dari perspektif struktur-fungsi, bermakna wujudnya peraturan atau “order” dalam kehidupan berkomuniti yang memungkinkan peluang yang sama dapat

diwujudkan bagi setiap ahli komuniti memperolehi dan menikmati kesejahteraan hidup.

Pembangunan komuniti sebagai satu proses membawa perubahan boleh dijayakan oleh komuniti sendiri ataupun oleh pihak kerajaan. Bahkan definisi awal mengenai pembangunan komuniti yang diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (1960) menekankan usahasama antara pihak kerajaan dengan komuniti. Badan dunia ini mendefinisikan pembangunan komuniti sebagai "*processes by which the effort of the people themselves are united with those of governmental authorities to improve the economic, social and cultural conditions of the communities, to integrate these communities into the life of the nation, and to enable them to contribute to the national progress*" (United Nation, 1960). Usaha kerajaan semata-mata tidak mencukupi tanpa penglibatan dari komuniti. Sebab itulah definisi itu ada menyebutkan bahawa adalah lebih baik komuniti atas inisiatif sendiri membangunkan diri mereka dan sekiranya tidak dapat berbuat demikian maka bantuan dan sokongan oleh agensi kerajaan boleh diberikan. Dalam konteks Malaysia, pentingnya penglibatan komuniti dalam pembangunan sering disebut dalam dokumen rasmi Rancangan Lima Tahun Malaysia.

Sementara itu, pentakrifan pembangunan komuniti yang menekankan usaha komuniti mengatur langkah sendiri mengambil tindakan secara kolektif terhadap masalah dan memenuhi keperluan yang mendesak telah diberikan oleh Batten (1957), seorang sarjana terawal yang sezaman dengan idea kemunculan pembangunan komuniti yang dikemukakan oleh pihak kolonial Inggeris di tanah-tanah jajahannya. Menurut beliau, pembangunan komuniti itu "*is a process during which the people in the small community first thoroughly discuss and define their wants, and then plan and act together to satisfy them*" (Batten, 1957:1). Tindakan anggota komuniti secara kolektif membangunkan diri, mengenalpasti masalah dan keperluan dan seterusnya cuba menangani masalah serta mendapatkan keperluan tersebut yang juga dilabelkan sebagai pembangunan komuniti itu dapat diperhatikan dalam definisi yang telah diberikan oleh sarjana-sarjana lain selepas Batten seperti Curtis (1958), Mezirow (1960), Biddle dan Biddle (1965), Cary (1970) dan Thomas (1983). Biddle dan Biddle (1965) menyebut bahawa pembangunan komuniti itu "*is seen as a social process by which human beings can become more competent to live with and gain some control over aspects of a frustrating and changing world...the word process refers to a progression of events that is planned by the participants to serve goals they progressively choose*" (hal. 78-79). Tindakan sosial seumpama ini apabila berjaya memperolehi matlamatnya dapat memberikan kepuasan dan kesejahteraan kepada mereka yang terlibat.

Kesejahteraan yang ingin dibawa menerusi proses pembangunan komuniti tidak hanya terhad kepada pembangunan kebendaan sahaja. Pembangunan manusia juga penting diberi perhatian. Dalam proses pembangunan, anggota komuniti boleh mempertingkatkan kemahiran, kebolehan, pengetahuan dan pengalaman mereka. Ini boleh berlaku sekiranya mereka terlibat secara langsung dalam membuat keputusan bagi menentukan keperluan, matlamat, cara atau strategi mencapai matlamat serta lain-lain aspek yang mempunyai kepentingan demi memberi kesejahteraan kepada mereka. Dengan kata lain, pembangunan komuniti juga berfokus kepada pembentukan keupayaan (*capacity building*) serta kebolehan (*ability*) anggota komuniti. Keupayaan dan kebolehan yang terbentuk menerusi penglibatan langsung komuniti dalam usaha membawa perubahan hidup merupakan kualiti-kualiti diri komuniti. Kualiti diri inilah yang merupakan

pula modal manusia (*human capital*) yang boleh dimanfaatkan dalam usaha memaju dan meningkatkan lagi tindakan membangunkan komuniti. Ini bermakna, dengan meningkatnya keupayaan dan kebolehan bermakna komuniti lebih bersedia menghadapi cabaran dan dugaan baru yang sesungguhnya dapat menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka.

### **KUASA, PENGLIBATAN DAN PENDAYAUPAYAAN- Perbincangan Teori**

Penglibatan dan pendayaupayaan adalah dua konsep yang berkaitan rapat. Penglibatan boleh membentuk pendayaupayaan tetapi apakah semua penglibatan mendorong pembentukan pendayaupayaan? Terdapat pelbagai jenis dan darjah penglibatan komuniti dalam pembangunan komuniti. Perbezaan darjah penglibatan dalam proses pembangunan itu juga merujuk kepada luas atau kuncupnya peluang anggota komuniti mempengaruhi keputusan yang berkaitan yang melaluinya dapat pula diperhatikan bagaimana dan sejauhmana anggota komuniti itu menggunakan kuasa mereka. Di sini, "kuasa" komuniti dilihat sebagai hak yang ada pada mereka dan kebijaksanaan menggunakan hak itu bagi mengkesani perubahan. Kuasa adalah merupakan kebolehan (*ability*) manusia (Arendt, 1970). Ia juga boleh dilihat sebagai tenaga kreatif dan potensi manusia. Kuasa sebagai kebolehan manusia adalah daya manusia dan keupayaan manusia mempengaruhi atau mengkesani sesuatu. Sebab itulah, Giddens menyebut kuasa itu sebagai kemampuan mengubah (*transformational capacity*) yang dimiliki oleh manusia (Giddens, 1985). Ini bermakna, hak mempunyai unsur kuasa bilamana anggota komuniti tahu menggunakan haknya bagi membuat atau mempengaruhi perubahan yang berkaitan dengan diri mereka. Komuniti yang tahu dan berkuasa menggunakan haknya bagi memenuhi kepentingan dan keperluan yang mereka inginkan boleh dikenali sebagai komuniti yang berdayaupaya. Kuasa komuniti adalah daya komuniti iaitu kecekapan, kemampuan dan kebolehan komuniti mempengaruhi keputusan atau perubahan yang mengkesani kehidupan mereka. Ia boleh dibentuk, dipupuk dan diperkuuhkan menerusi pengalaman dalam penyertaan.


Daya manusia atau daya komuniti adalah juga modal manusia. Daya ini boleh diperkembang, dipertajam dan dipertingkatkan menerusi pembangunan komuniti. Anggota komuniti yang menyertai tindakan sosial bertujuan membawa perubahan (kemajuan) terhadap kehidupan mereka sama ada untuk memenuhi keperluan atau menangani sesuatu masalah yang dihadapi, juga dapat meningkat daya dan potensi diri mereka. Mereka dapat mempelajari mengenalpasti keperluan atau masalah dan membuat senarai utama, merancang mengambil tindakan, merangka strategi, membuat keputusan, mencari dan mengelolakan sumber serta melaksanakan rancangan. Menerusi proses inilah pengalaman, kebolehan, kemahiran dan pengetahuan bertambah, sekaligus meningkatkan daya atau potensi diri. Oleh itu dapat dikatakan bahawa pendayaupayaan (*empowerment*) adalah satu proses di mana individu, perkumpulan atau komuniti menggunakan kebolehan dan kemampuannya memahami dan menginterpretasi masalah atau keperluan mereka, dan kemudiannya mengenalpasti serta menentukan keutamaan keperluan atau masalah tadi serta bertindak sesama mereka dengan membuat dan mempengaruhi keputusan, menyertai rundingan atau membuat tuntutan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang memberi kemajuan dan kesejahteraan hidup kepada mereka. Elemen penting pendayaupayaan adalah keupayaan komuniti

menguasai hal ehwal kehidupan mereka tanpa terpengaruh atau dipengaruhi oleh orang luar. Pendapat ini dikongsi bersama oleh Barr (1995), Parsons (1991), Adams (1990) dan Zimmerman and Rappaport (1988). Menurut Adams (1990), “[empowerment]can be defined as the process by which individuals, groups and/or communities become able to control of their circumstances and achieve their own goals, thereby being able to work towards maximising the quality of life” (hal. 43). Lanjutan daripada itu, apabila komuniti dapat menguasai persekitaran hidup dan bertindak bebas tanpa rasa khuatir, takut atau cemas, sebaliknya bebas dan matang dalam mengambil tindakan, bererti komuniti telah mencapai tahap komuniti yang berdaya upaya (*empowered community*). Sesungguhnya komuniti yang berdaya upaya adalah komuniti yang telah membentuk keupayaan komuniti (*community capacity*) yang berasaskan modal manusia setempat. Dalam konteks pembangunan komuniti, komuniti yang berdaya upaya adalah mereka yang berkemampuan melakukan dan mempengaruhi perubahan sesuai dengan keperluan yang mereka ingini (*felt needs*) dengan didorong oleh rasa kebertanggungjawaban, semangat berdikari, tolong menolong dan tekat ingin membebaskan diri dari belenggu masalah secara sukarela tanpa paksaan sehingga dapat menikmati kesejahteraan dan keselesaan hidup.

Penglibatan boleh mendorong kepada pendayaupayaan, tetapi tidak semua bentuk penglibatan dapat mengizinkan proses pendayaupayaan berlaku. Hanya struktur penglibatan yang sedia memberikan kebebasan dan hak kepada komuniti membuat keputusan menentukan hala tuju, cara dan jenis aktiviti boleh membantu membentuk komuniti yang berdaya upaya. Umumnya, penglibatan boleh dilihat dari dua perseptif (Moser, 1989). Pertama, penglibatan yang dianggap sebagai satu cara untuk mencapai pembangunan. Di sini, penglibatan komuniti dianggap sebagai satu ‘alat’ untuk mencapai matlamat atau objektif yang telah ditentukan lebih awal sama ada oleh pihak kerajaan atau agensi-agensinya tanpa kepastian sama ada ia sesuai atau tidak dengan keperluan komuniti. Orientasinya mengutamakan pencapaian matlamat berbanding kepentingan penyertaan komuniti itu sendiri. Sementara itu, perseptif kedua menganggap penglibatan komuniti sebagai matlamat dalam proses membawa perubahan yang memberi keutamaan kepada penyertaan langsung komuniti merencana dan membentuk pembangunan yang diinginkan. Jelas, penglibatan dari perspektif pertama menghadkan proses pendayaupayaan berlaku, manakala perspektif kedua mengizinkan anggota komuniti sendiri mencorakkan perubahan yang diingini, justeru membenarkan proses mendayaupayakan komuniti berlaku. Namun begitu, harus pula diingatkan bahawa penglibatan tidaklah sesuatu yang bersifat dikotomi sebaliknya kontinum. Oleh sebab itulah para sarjana membahagikan penyertaan itu kepada tahap-tahap misalnya 8 tahap oleh Arnstein (1969), 7 tahap oleh Brager dan Specht (1975), 6 tahap oleh Holnsteiner (1977), 7 tahap oleh Koneya (1978) dan 3 tahap oleh Oakley (1989). Tahap-tahap ini boleh dianggap sebagai satu tipologi penyertaan. Pembahagian tahap-tahap ini didasarkan kepada sejauhmana komuniti diberi peluang dan menggunakan hak serta kebebasan dalam menentukan aspek-aspek yang berkaitan dengan hal ehwal kehidupan mereka. Ia juga membawa maksud bagaimana dan setakat mana komuniti dapat menggunakan kuasa bagi mempengaruhi perubahan dalam kehidupan mereka menerusi penglibatan.

Tinggi atau rendahnya darjah penglibatan bergantung kepada sejauh mana komuniti diberi peluang menentukan (membuat keputusan) perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan atau kemajuan diri mereka. “Peluang” dirujuk sebagai kebebasan

dan hak yang ada atau diberikan kepada komuniti. Ini bermakna semakin mengecilnya peluang komuniti terlibat dalam menentukan halatuju, matlamat, objektif, bentuk aktiviti atau strategi perlaksanaan sesuatu agenda perubahan, bermakna komuniti kurang atau tidak berkuasa menguasai hal ehwal kehidupan mereka. Tahap penglibatan mereka juga dikatakan rendah. Keadaan ini menggambarkan darjah pendayaupayaan komuniti yang rendah. Dengan ertikata lain, menguncupnya kebebasan dan hak membuat keputusan juga membataskan proses melahirkan komuniti yang berdaya upaya yang akhirnya menghadkan pembinaan komuniti yang berkeyakinan diri, kompetatif dan akauntabel. Hubungan antara kuasa, penglibatan dan pendayaupayaan dapat dilihat dalam Rajah 1.



Rajah 1: Hubungan antara kuasa, darjah penglibatan dan pendayaupayaan

Jelasnya di sini, proses pendayaupayaan boleh berlaku menerusi penglibatan komuniti berusaha membawa perubahan dalam kehidupan mereka. Secara teorinya hanya penglibatan yang menyediakan peluang dan ruang kepada anggota komuniti membuat keputusan menentukan kemajuan atau perubahan yang mereka inginkan mampu memupuk pendayaupayaan komuniti yang juga mempunyai sifat sebagai komuniti yang berdikari, berdaya maju, berdaya saing dan bertanggungjawab. Selain daripada itu, pendekatan dan bentuk pembangunan komuniti yang dilaksanakan juga boleh mempercepat atau melambatkan pembentukan keupayaan komuniti.

## PENDEKATAN, BENTUK DAN JENIS PEMBANGUNAN KOMUNITI DI MALAYSIA

Pendekatan yang mempercayai bahawa pembangunan komuniti sebagai satu wadah mewujudkan "order" dan suasana hidup harmoni dalam komuniti dan negara, telah dan sedang dilaksanakan oleh negara sejak tahun 1954. Ia bermula apabila kerajaan Inggeris di Tanah Melayu menerima definisi pembangunan komuniti itu sebagai "*is a movement designed to promote better living for the whole community with the active*

*participation and on the active participation and on the initiative of the community*" (Malaya Government Report, 1954: Para 8.2) dalam satu perjumpaan di Taiping yang dihadiri oleh beberapa jabatan kerajaan. Kemudiannya, kerajaan pasca merdeka menerima pula definisi pembangunan komuniti yang dikemaskinikan oleh PBB enam tahun selepas itu (lihat definisi yang diberikan terdahulu dalam artikel ini) yang masih jelas menampakkan unsur-unsur membina dan mengekalkan "order" dengan mempercayai bahawa kelangsungan peraturan hidup itu dapat menjana dan memacu pula kemajuan dan kemakmuran negara. Proses pembangunan komuniti yang dilihat sebagai usahasama antara kerajaan dan orang awam (komuniti) untuk membangunkan keadaan ekonomi, sosial dan budaya mereka supaya nanti dapat menyumbang kepada kemakmuran negara dapat dianggap sebagai satu usaha konsensus antara pihak pemerintah dan rakyat. Pihak pemerintah atau kerajaan yang dikatakan mempunyai tanggungjawab sosial berperanan membangunkan komuniti yang ketinggalan, keterbelakang atau mundur. Sebaliknya, komuniti menjadi klien dan pada masa yang sama juga sebagai pelaksana sesuatu program atau rancangan.

### **Pendekatan atas-bawah dan paternalistik**

Sejak itu sehingga akhir Rancangan Malaysia Keenam dapat diperlihatkan amalan cara kerja membangunkan komuniti yang dipelopori oleh kerajaan lebih berbentuk pendekatan atas-bawah atau *directive approach*, mengikut istilah Batten (1957). Pendekatan yang bersifat arahan ini semakin jelas jika diteliti pula struktur pentadbiran-pengurusan pembangunan komuniti dari peringkat pusat sehingga ke desa (lihat Ness, 1967). Konsep Bilik Gerakan yang diwujudkan sejak pelancaran Buku Merah pada Julai 1961 masih berterusan sehingga kini, setidak-tidaknya dari segi strukturnya. Melalui struktur inilah segala dasar dan arahan yang diputuskan oleh pihak atasan (kerajaan) disalurkan untuk dilaksanakan di peringkat komuniti. Bahkan pengenalan sebuah institusi yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kemajuan Kampung menerusi arahan No. 3 (1962) yang kekal hingga ke hari ini dengan nama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sebagai pekerja komuniti barisan depan menunjukkan komitmen dan kukuhnya campurtangan kerajaan atau pemerintah dalam proses membangunkan komuniti. Selain daripada struktur pentadbiran-pengurusan yang merentasi peringkat pusat hingga ke desa, pendekatan atas-bawah ini diperkuuhkan lagi oleh birokrasi jabatan atau agensi kementerian selaku jentera perlaksanaan dasar kerajaan di peringkat negeri, daerah, mukim dan kampung. Menerusi jabatan dan agensi inilah juga segala bantuan perbekalan dan khidmat nasihat teknikal diberikan kepada kelompok sasaran sepanjang perlaksanaan satu-satu dasar pembangunan.

Peranan pembangunan komuniti ke arah mewujudkan kehidupan yang harmoni dan sejahtera dalam perseptif memberi hak kepada komuniti menentukan yang terbaik untuk mereka agak kurang berkesan sekitar tahun 1960an sehingga tahun 80an. Memang benar, pihak pemerintah telah menggunakan perkataan "penglibatan" atau "penyertaan" sebagai slogan untuk menarik penyertaan peringkat akar umbi dalam proses pembangunan. Rancangan Buku Merah yang dikemukakan sejak tahun 1961 yang mendokong falsafah penglibatan turut-serta rakyat dan pemimpin dalam pembangunan, secara perlahan-lahan ditamatkan mulai Rancangan Malaysia Pertama

(1966-1970). Mulai tahun tersebut sehingga pertengahan Rancangan Malaysia Kedua, kerajaan telah mengamalkan strategi responsif dalam pembangunan dengan menggalakkan penglibatan orang ramai dalam merebut peluang-peluang pembangunan. Pendekatan pembangunan komuniti yang digunakan dalam strategi ini bertujuan menggerakkan penduduk luar bandar menyokong usaha-usaha kerajaan membawa perubahan sosial. Sehubungan itu pelbagai siri slogan dan kempen mengubah sikap telah dijayakan, antaranya ialah Gerakan Maju (1966). Pada penghujung Gerakan Maju diperkenalkan pula Kempen Jaya Diri (1968-1970) yang menekankan kepada semangat berdikari dan bermotivasi. Tujuan utama kempen gerakan ini ialah untuk meningkatkan kebolehan menyesuaikan diri di kalangan komuniti desa dengan perubahan sekeliling dan bersedia menerima pembangunan demi meningkatkan produktiviti mereka. Ini termasuklah dalam program-program berancang negara seperti rancangan penempatan semula menerusi Skim FELDA (*Federal Land Development Authority*), Skim Tanah Berkelompok Negeri, rancangan pembangunan wilayah, pembangunan *in-situ* dan juga rancangan pembangunan pertanian termasuklah skim penanaman semula getah, kelapa sawit dan sebagainya.

Apabila peristiwa 13 Mei tercetus pada penghujung Rancangan Malaysia Pertama, kerajaan telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru mulai Rancangan Malaysia Kedua. Mulai 1971, strategi pembangunan komuniti tertumpu kepada penyediaan infrastruktur sosio-ekonomi yang dipercayai boleh menyediakan kerangka yang baik untuk penduduk desa umumnya dan Melayu khususnya memperbaiki taraf ekonomi mereka. Seiringan dengan pelancaran dasar baru ini, kerajaan telah melancarkan satu lagi kempen pembangunan komuniti yang dikenali sebagai Gerakan Pembaharuan pada tahun 1972. Kempen ini bertujuan memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial komuniti desa. Sama seperti kempen-kempen yang terdahulu fokusnya masih lagi bertujuan untuk menarik dan menggalakkan penyertaan orang ramai supaya bersama dalam menjayakan polisi baru tersebut. Pembaharuan dan perubahan yang dimaksudkan masih lagi berpaksikan kepada peningkatan produktiviti.

Perkataan pembangunan komuniti sekali lagi diketengahkan dalam Rancangan Malaysia Keempat yang berbunyi, "*the main objective of community development programmes were to inculcate in society values towards development and self-reliance*" (Rancangan Malaysia Keempat, 1981:para 477). Dalam dokumen rasmi ini juga disebut sekali lagi (*diperingatkan lagi*) oleh kerajaan bahawa penyertaan dan respons masyarakat serta peranan masing-masing terhadap pembangunan adalah penting. Sejak dengan itu, satu lagi rancangan pembangunan komuniti yang dikenali sebagai Pembangunan Luar Bandar Hala Cara Baru telah dilancarkan oleh kerajaan pada pertengahan Rancangan Malaysia Keempat. Pembangunan Luar Bandar Hala Cara Baru merupakan satu pendekatan arahan bertujuan membangunkan desa dan membasi kemiskinan terutama di kalangan komuniti pekebun kecil. Idea rancangan ini dibentangkan oleh kerajaan pada 29 Mac 1984 semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat dan kemudiannya diluluskan oleh parlimen pada April 1984. Beberapa taklimat dan mesyuarat diadakan bersama semua menteri dan ketua jabatan, sekretariat serta badan berkanun.

Bagi merealisasikan Pembangunan Luar Bandar Hala Cara Baru tiga strategi utama telah disarankan oleh kerajaan iaitu (i) memajukan pertanian melalui

pengstrukturan pemilikan yang melibatkan penyatuan kebun-kebun dan bidang tanah pertanian yang kecil sebelah menyebelah kepada satu bidang tanah yang luas dan ekonomik untuk diusahakan secara tanaman ladang; (ii) membangun dan menggalakkan pertumbuhan industri desa berskil kecil dan yang bukan berasaskan ladang; dan (iii) mengelompokkan kampung-kampung bagi mewujudkan pusat penduduk bagi memudahkan penyediaan infrastruktur asas yang moden dengan lebih mudah dan murah. Sungguhpun rancangan ini dilabelkan sebagai satu pendekatan yang radikal dan "baru" (Zainuddin, 1989), sebenarnya ia bukanlah sesuatu yang baru. Konsep asasnya lebih kurang sama dengan Rancangan Tanah Pinggir Negeri yang diperkenalkan sekitar tahun 1960'an iaitu penyatuan tanah yang kecil kepada plot-plot tanah yang ekonomik untuk diusahakan. Penyertaan komuniti dalam program ini masih lagi berpaksikan kepada pendekatan atas-bawah. Setakat ini penyertaan semacam menjadi cara pihak pemerintah mencapai dan menggerakkan pembangunan. Dorongan kepada penyertaan komuniti dalam pembangunan masih tidak berganjak daripada orientasi ekonomi iaitu meningkatkan produktiviti.

Selepas penggabungan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan Kementerian Pertanian, kerajaan telah melancarkan pula Kempen Revolusi Desa pada tahun 1986 sebagai lanjutan kepada rancangan Hala Cara Baru. Kempen ini disasarkan kepada kawasan desa yang tidak terlibat dalam rancangan Hala Cara Baru. Konsep Revolusi Desa yang cuba dibawa masih lagi berpaksikan kepada usaha meningkatkan taraf hidup dan peningkatan produktiviti. Bagi menyokong kempen ini kerajaan buat kali kedua telah memperkenalkan Buku Merah II pada tahun 1987, dikenali sebagai Buku Panduan Pembangunan Daerah (UPP, 1987) yang menyamai struktur Buku Merah tahun 60'an. Objektif Buku Merah II ialah untuk menggalakkan aktiviti ekonomi di peringkat daerah, menyelaras semua agensi kerajaan di peringkat tersebut ke arah mewujudkan pembangunan bersepadu, menyatukan semua sektor swasta, badan sukarela dan komuniti tempatan dengan agensi kerajaan bagi pembangunan daerah serta memperbaiki keberkesanan jentera kerajaan bagi mempercepatkan perkembangan program dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik untuk masyarakat (UPP, 1987).

### **Pembangunan komuniti jenis tajaan kerajaan**

Dengan pendekatan atas-bawah yang bersifat paternalistik itu, jenis pembangunan komuniti yang banyak terdapat di negara adalah tajaan kerajaan. Penglibatan anggota komuniti dalam program, rancangan aktiviti atau projek yang dijayakan oleh agensi yang bertanggungjawab boleh dianggap sebagai alat untuk mencapai objektif tertentu. Penyertaan komuniti sebagai penerima pembangunan boleh dianggap sebagai usahasama antara orang awam dengan pihak berkuasa seperti yang disebut dalam definisi pembangunan komuniti oleh PBB itu. Walaupun kerajaan berjaya mencapai matlamat atau objektif yang tersirat iaitu meningkatkan produktiviti, namun peluang dan pendedahan kepada komuniti untuk membuat keputusan sendiri kurang berlaku. Kesan sampingan kepada komuniti akibat kurangnya diberi peluang menentukan masa depan dan bentuk perubahan yang diinginkan menyebabkan sikap pergantungan dan jiwa subsidi terbentuk dan terus menebal. Kurangnya bimbingan dan pendedahan yang diberikan kepada komuniti oleh agen-agen perubahan seperti pekerja komuniti,

pegawai pengembangan dan pemaju masyarakat untuk bertindak bebas memikirkan apakah masalah sebenar yang membenggu mereka dan cara bertindak telah menghadkan keupayaan tindakan mereka. Peneguhan (*reinforcement*) yang begitu lama menerusi pendekatan atas-bawah dengan penyediaan pelbagai skim, rancangan dan bantuan yang difikirkan sesuai oleh pihak atasan untuk komuniti serta diperkuuhkan pula dengan cara bekerja agen perubahan yang boleh dibaratkan sebagai *filling the empty vessel* diterima oleh kelompok sasaran telah membataskan juga kemampuan, kebolehan, kecekapan, pengalaman dan kemahiran komuniti.

Pendek kata, sifat paternalistik dalam pembangunan komuniti yang diperkuuhkan oleh pendekatan atas-bawah selama lebih daripada 50 tahun sebelum perubahan orientasi pada tahun 1995 telah banyak mengacuakan pemikiran, daya tindak, cara bekerja serta membentuk kemampuan dan keupayaan komuniti. Bagi komuniti yang hanya dianggap sebagai penerima pembangunan sahaja, penglibatan mereka terhad hanya untuk mencapai matlamat pembangunan yang telah ditentukan lebih awal oleh pihak pembuat dasar. Hal ini tidak janggal pada era itu kerana orientasi pembangunan dekad-dekad tersebut yang mengutamakan peningkatan produktiviti adalah berpaksikan pertimbangan pembangunan ekonomi sahaja atau *ecocentric development*.

### Anjakan paradigma dan pendekatan bawah-atas

Komponen “*self-determination*” dalam pembangunan komuniti kurang ditekankan dalam proses pembangunan komuniti di negara ini, walaupun kewujudan JK3K sebagai institusi tajaan kerajaan itu bertanggungjawab dalam merancang bersama pembangunan peringkat akar umbi. Kelemahan orientasi pembangunan komuniti yang hanya tertumpu kepada peningkatan ekonomi telah mendorong kerajaan menukar dan mencari orientasi baru. Anjakan paradigma dalam falsafah baru pembangunan komuniti telah disyiharkan oleh kerajaan pada tahun 1995 dan secara rasminya dilaksanakan mulai Rancangan Malaysia Ketujuh. Orientasi pembangunan baru ini berfokuskan kepada “*homocentric development*” yang mengutamakan komuniti sebagai penggerak dan penentu kepada pembangunan di peringkat akar umbi. Ia menggantikan “*ecocentric development*” yang telah lama diamalkan itu. Perubahan ini juga memperakukan bahawa individu atau komuniti adalah modal manusia (*human capital*) yang perlu dilabur, dididik, dijaga, diajar, dipelihara dan ditambah nilai supaya modal ini dapat menjana pulangan yang berterusan dan mampan. Ini bermakna penglibatan sebenar komuniti dalam pembangunan yang menyeluruh menjadi fokus. Secara khusus pada peringkat perlaksanaan, kepentingan penglibatan dapat diperhatikan dalam program Gerakan Desa Wawasan (kini dikenali sebagai Gerakan Daya Wawasan (GDW) yang dianggap sebagai mekanisma bagi mencapai falsafah baru pembangunan komuniti. Dalam usaha menjadikan kampung sebagai satu kawasan yang menarik, maju dan menguntungkan, mengikut aturcara GDW, anggota komuniti sendiri perlu mengenalpasti apa yang boleh dilakukan kepada tempat kediaman. Mereka juga dikehendaki membuat perancangan dan pelan tindakan ke arah menjadikan kampung menguntungkan dan memberi manfaat kepada semua. Ini bermakna modal-modal tempatan termasuk modal manusia boleh digembangkan bagi menghasilkan sesesuatu yang dapat membangunkan kehidupan mereka.

### **Pembangunan komuniti jenis jaya diri**

Dalam konteks tersebut, proses membangunkan komuniti adalah sejajar dengan idea-idea awal dan asas pembangunan komuniti yang dikemukakan oleh Batten (1957), Biddle dan Biddle (1965), Cary (1970), Thomas (1983) dan lain-lain yang menekankan kepada inisiatif dan usaha komuniti sendiri menjayakan kemajuan dan perubahan dalam lingkungan kejiranan atau komuniti. Menariknya GDW adalah kerana pembangunan komuniti yang ingin dijayakan itu boleh berlaku apabila terbentuk dan bertambah kukuhnya ikatan sosial antara anggota komuniti sehingga dapat membentuk jaringan dan sokongan sosial antara mereka. Ikatan sosial ini sebagai satu modal sosial (Putnam, 1995) mampu mendorong dan menarik anggota komuniti berorganisasi membentuk perkumpulan bagi mencapai matlamat atau menyelesaikan masalah bersama supaya kesejahteraan, taraf dan kualiti hidup anggota komuniti ditingkatkan. Ini bermakna asas kepada menjayakan kerja-kerja membangunkan komuniti adalah inisiatif komuniti sendiri yang dapat dijayakan kesan dari kemantapan sosial fabrik dan semangat kejiranan. Jika gerakan ini benar-benar mengamalkan prinsip bahawa komuniti sendiri yang menentukan keperluan dan hala tuju kemajuan yang diinginkan melalui perancangan komuniti (*community planning*), maka pendekatan bawah-atas pembangunan komuniti boleh berlaku menerusi GDW. Pendekatan bawah-atas juga berpotensi mengizinkan dan meluaskan lagi kebebasan dan hak komuniti membuat keputusan bagi menentukan masa depan kesejahteraan hidup mereka. Sehubungan itu, apabila komuniti berkesempatan dan berpeluang sama-sama memikirkan bagi masa depan mereka dan bertindak secara kolektif ke arah itu, daya upaya mereka turut berkembang, bertambah dan semakin kukuh.

### **Pembangunan komuniti jenis arahan kendiri**

Pembangunan komuniti tidak hanya terbatas kepada aktiviti-aktiviti yang disokong oleh kerajaan atau agensinya. Ini kerana lain-lain usaha bertujuan memberi kesejahteraan kepada komuniti juga telah dijayakan sendiri oleh komuniti. Cuma matlamat khusus yang diperjuangkan berbeza-beza antara komuniti kerana masalah, cabaran atau keperluan berlainan antara penempatan. Banyak usaha seumpama ini yang kurang dikenalpasti dan tidak dinilai sebagai usaha membangunkan komuniti meskipun menepati prinsip-prinsip asas pembangunan komuniti seperti penyertaan peringkat akar umbi yang didorong untuk memenuhi keperluan, organisasi komuniti dan berdikari. Pembangunan komuniti yang bersifat arahan kendiri (*self-directed*) ini biasanya berdasarkan perkumpulan kejiranan (*neighbourhood group*) seperti khairat kematian, syarikat/pakatan pinggan mangkok dan kumpulan ‘rewang’ atau kumpulan gotong royong; perkumpulan tindakan komuniti (*community action groups*) seperti pertubuhan belia dan politik, Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) serta perkumpulan pembelajaran (*study circle*); dan perkumpulan atau organisasi tajaan (*sponsored-community based group*) seperti Perkumpulan Wanita, Jawatankuasa Masjid dan Surau, Persatuan Wanita Pekebun Kecil, Jawatankuasa Tanaman Semula atau Jawatankuasa Mini Estet atau Perkumpulan Kelas KEMAS (Bahagian Kemajuan Masyarakat). Ada di antara contoh perkumpulan yang disebutkan ini bersifat formal kerana mempunyai struktur organisasi yang jelas dan lengkap serta mempunyai ahli yang berdaftar serta yuran keahlian, manakala ada juga kumpulan yang struktur organisasinya tidak formal. Antara ketiga-

tiga perkumpulan ini kumpulan yang berasaskan kejiran dan kumpulan tindakan komuniti lebih bersifat "*self-propelling*" berbanding kumpulan yang ditaja.

Tidak semua komuniti (atau penempatan) mempunyai semua kumpulan seperti yang disebutkan di atas tetapi mungkin mempunyai satu atau dua kumpulan yang serupa, walaupun namanya berbeza mengikut tempat. Tujuan penubuhan kumpulan ini berbeza-beza, misalnya pakatan/syarikat pinggan mangkok dan khairat kematian diasaskan kepada keperluan membantu ahli keluarga yang memerlukan khidmat yang berkaitan pada masa-masa tertentu. Pengalaman hidup yang sama susah bila berlaku sesuatu kejadian boleh menjadi pendorong kepada penubuhan kumpulan yang bersifat "*communal*" ini. Kumpulan gotong royong yang muncul secara spontan bila diperlukan untuk melakukan kerja sukarela atau amal sama ada di majlis keramaian atau untuk melakukan kerja komuniti juga adalah diasaskan kepada kepentingan bersama komuniti dalam semangat berkomuniti. Penglibatan anggota komuniti dalam kumpulan jenis ini adalah secara langsung. Mereka terlibat dalam membuat keputusan berkaitan dengan perlaksanaan aktiviti terutamanya tentang pembahagian kerja - siapa buat apa, bagaimana, serta dasar pertubuhan seperti yuran, jenis dan jumlah bantuan dan kategori penerima faedah. Darjah penglibatan adalah tinggi kerana anggota komuniti sendiri yang menentukan hala tuju persatuan atau organisasi, matlamat, tujuan dan lain-lain hal ehwal yang berkaitan dengannya yang mempengaruhi kesejahteraan kehidupan sosial mereka.

Kumpulan tindakan komuniti boleh terbentuk apabila anggota komuniti menyedari perlunya dibentuk kumpulan seumpama itu bagi memenuhi keperluan dan kehendak yang mendesak di kalangan ahli/komuniti. Menerusi kumpulan yang dibentuk mereka boleh menggiatkan aktiviti sesuai dengan permintaan, desakan dan kehendak ahli. Aktiviti kumpulan jenis ini bersifat "*self-fulfilling*". Kumpulan ini juga mempunyai autonomi menentukan pengisian aktiviti bagi memenuhi permintaan ahli. Penganjuran kelas-kelas belajar agama, mengaji atau tuisyen, kelas kemahiran oleh pertubuhan belia, perkumpulan pembelajaran atau PIBG, misalnya adalah usaha membangun dan menggalakkan kemajuan dalam pendidikan komuniti. Selagi ahli kumpulan dan anggota komuniti sendiri yang menentukan bentuk aktiviti yang sesuai dengan keperluan dan kehendak mereka tanpa terpengaruh dengan organisasi induk (contohnya pertubuhan belia peringkat daerah/negeri), selagi itulah dapat dianggap bahawa darjah penglibatan adalah tinggi.

Kuasa komuniti menentukan hala perubahan agak terhad dalam perkumpulan tajaan. Kumpulan jenis ini biasanya terjalin dalam sistem birokrasi sama ada kerajaan atau bukan kerajaan. Walaupun keanggotaan dalam kumpulan seperti Pertubuhan Wanita, Perkumpulan KEMAS, JKKK dan Jawatankuasa Mini Estet terdiri daripada anggota komuniti tempatan, tetapi mereka berada dalam jaringan dan hubungan dengan peringkat atasan seperti Pertubuhan Wanita peringkat daerah dan negeri, Kemas Daerah, Pejabat Daerah, Risma daerah/negeri dan sebagainya. Oleh kerana pada peringkat operasi mereka menerima bantuan sama ada berbentuk kewangan, khidmat teknikal dan nasihat dari badan induk ataupun mempunyai hubungan tradisi birokrasi, maka semacam terbentuk hubungan '*patron-clientele*' di antara badan/organisasi induk dengan komuniti tadi. Dalam hubungan dan jaringan '*patron-clientele*' inilah anggota komuniti membuat perancangan, perundingan dan tawar menawar menentukan


perubahan dan hasrat yang diinginkan dengan badan induk. Walaupun proses tawar menawar berlaku dalam hubungan ini, pada kebiasaannya keputusan banyak menyebelahi pihak penaung. Ini berlaku terutamanya apabila sesuatu program atau rancangan yang objektifnya telah ditetapkan terlebih dahulu oleh badan induk. Oleh yang demikian pengisian aktiviti pada peringkat komuniti adalah menyesuaikannya dengan rancangan induk itu. Dalam konteks inilah penglibatan komuniti menjadi alat (Moser, 1989) untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan semakin jelas. Meskipun penglibatan komuniti dalam aktiviti juga memberi sedikit sebanyak faedah dalam konteks pembangunan komuniti, namun penyertaan komuniti lebih sesuai dianggap sebagai *'tokenism'* (Arnstein, 1969) sahaja kerana peranannya sebagai '*window dressing ritual*' lebih nyata.

## PENDAYAUPAYAAN DAN PERSEKITARANNYA

Pendayaupayaan adalah satu proses dan juga produk (hasil) dari usaha komuniti yang berkemampuan mempengaruhi keputusan dan menguasai tindakan untuk memenuhi sesuatu yang mereka perlukan ke arah mempertingkatkan kesejahteraan hidup. Dalam proses yang dinamik inilah juga kemahiran, kebolehan, bakat, pengetahuan dan pengalaman komuniti digunakan, dikongsi bersama, ditambah dan dipertajamkan. Potensi dan kualiti ini boleh pula digunakan oleh mereka dalam menjayakan aktiviti masa depan dengan mengadaptasikan pendekatan dan strategi yang pernah mereka gunakan. Semasa menyertai tindakan sosial inilah proses pembelajaran sosial berlaku. Namun, seperti yang telah disebut awal tadi tidak semua jenis penyertaan mengizinkan komuniti membuat keputusan yang juga mengizinkan proses penambahan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan boleh berlaku. Struktur penglibatan yang mewujudkan persekitaran yang mendorong penyertaan secara langsung, terbuka dan aktif dengan memberi peluang dan kebebasan kepada komuniti mencorakkan perubahan yang dihajati mereka tanpa banyak sekatan boleh membentuk komuniti yang berdaya upaya. Struktur penglibatan seumpama ini kebiasaanya diterima pakai bersama dengan pendekatan bukan-arahan (*non-directive approach*) sebagai satu cara bekerja yang diamalkan oleh pemaju masyarakat, pekerja komuniti ataupun pegawai pengembangan dalam proses membangunkan komuniti. Sebaliknya pula, proses pembangunan komuniti yang berpendekatan atas-bawah atau dikenali juga sebagai pendekatan eksekutif yang bersifat paternalistik dikatakan boleh menghadkan persekitaran bagi pendayaupayaan berlaku. Tambahan pula pendekatan kerja seumpama ini diiringi dengan jenis penyertaan yang sempit dan terhad dengan kuasa komuniti yang rendah kerana ada unsur-unsur kerahan dan pujuhan.

Rajah 2 cuba menunjukkan secara mudah hubungan antara pendekatan pembangunan komuniti yang menyediakan persekitaran bagi pendayaupayaan berlaku dan jenis pembangunan komuniti. Pekerja komuniti yang menggunakan pendekatan atas-bawah kurang memberi peluang kepada kumpulan sasaran terlibat secara langsung dalam merangka pelan tindakan dan mengambil bahagian yang aktif. Ini kerana cara kerjanya berorientasikan kepada pencapaian matlamat (*goal orientation*) yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur pembangunan atau agensi beliau bekerja. Jika tidak, sasaran kerja dan pencapaian agensinya mungkin 'terganggu'. Kalau ada pun berbincangan atau pertemuan dilakukan bersama anggota komuniti ia hanya sekadar

memberitahu tujuan perlaksanaan sesuatu program demi menarik penyertaan umum untuk menyertai projek yang telah ditetapkan. Jika cadangan dan pendapat kelompok sasaran diterima oleh pihak pelaksana ia bertujuan melicinkan lagi operasi perlaksanaannya. Bentuk pembangunan komuniti jenis ini paling ketara dalam program pembangunan komuniti kerajaan atau yang dianjurkan oleh kumpulan/institusi tajaan kerajaan. Namun, ini tidak bermakna keadaan ini tidak mengizinkan langsung proses pendayaupayaan berlaku sama sekali. Mengingatkan bahawa penglibatan merupakan satu kontinuum, maka terdapatlah kemungkinan amalan atau usaha mendayaupayaan komuniti boleh dilakukan oleh pekerja komuniti semasa menjayakan sesuatu aktiviti kerja membangunkan komuniti. Ini digambarkan oleh pengelompokan aktiviti bertanda [A] (lihat petunjuk) di bahagian bawah-kiri dan bertanda [B] di bahagian tengah menuju ke atas-kanan mengikut garisan pendayaupayaan komuniti. Ini menggambarkan ada peluang dan ruang kerja-kerja pembangunan komuniti yang boleh melibatkan komuniti dalam membuat keputusan sepanjang proses pembangunan komuniti.



Rajah 2: Pendayaupayaan, pendekatan dan jenis pembangunan komuniti

Bagaimana ruang dan peluang tersebut boleh diperkembangkan lagi? Caranya ialah dengan memupuk budaya mengambil tanggungjawab bersama ke atas segala keadaan dan menggalakkan tindakan di kalangan anggota komuniti. Budaya ini boleh

dibentuk dengan membenarkan dan menggalakkan komuniti menggunakan hak, kebebasan, potensi dan daya mereka untuk mengenalpasti keperluan dan masalah serta memutuskan yang terbaik untuk mereka mengambil tindakan seterusnya. Jika agen perubahan mempercayai bahawa manusia boleh melakukan sesuatu dengan diberi panduan, galakan, dorongan serta pendedahan yang mencukupi maka bahagian (atau peringkat) yang bertanda [C] di bahagian kanan-atas garis (Rajah 2) boleh berhasil. Bahagian ini menandakan produk daripada keupayaan komuniti sendiri mengusahakan mensejahterakan hidup mereka. Amalan kerja yang boleh digunakan oleh agen perubahan ke arah memupuk pendayaupayaan komuniti pada peringkat ini ialah pendekatan bawah-atas yang berorientasikan proses (*process orientation*). Pendekatan ini membuka peluang anggota komuniti terlibat secara langsung dalam pembangunan. Menerusi penglibatan ini komuniti dapat mengenalpasti, merancang, menentukan strategi, melaksana, mempengaruhi dan/atau membuat keputusan yang akhirnya berupaya mencorakkan pembangunan. Ini juga bererti penyertaan dalam pembangunan tidak terhad kepada golongan elit tertentu sahaja yang membuat keputusan. Penyertaan yang aktif dan ekstensif membentuk semangat kebertanggungjawaban di kalangan komuniti demi kemajuan hidup mereka.

## KESIMPULAN

Pembangunan komuniti bertujuan membawa perubahan kepada komuniti. Perubahan yang dibawa pula bertujuan memberi kesejahteraan dan meningkatkan kualiti hidup yang meliputi pelbagai aspek kehidupan. Pembangunan dan kesejahteraan tidak bersifat selektif. Semua individu dan komuniti wajar menikmati dan menerima faedah pembangunan supaya dapat hidup sejahtera. Untuk tujuan itulah pihak pemerintah telah menjayakan rancangan atau program pembangunan komuniti yang sering menggunakan pendekatan atas-bawah. Namun demikian usaha membangunkan komuniti bukan sahaja dijayakan oleh kerajaan tetapi juga oleh komuniti sendiri. Anggota komuniti secara kolektif boleh bekerjasama merancang membentuk kumpulan dan menjayakan aktiviti yang sesuai. Aktiviti yang dijayakan bertujuan memenuhi keperluan tempatan. Pembangunan komuniti jenis jaya diri digerakkan oleh komuniti untuk komuniti, dan cara bekerja membangunkan keadaan hidup biasanya sering dikaitkan dengan pendekatan bawah-atas. Membandingkan kedua-dua pendekatan dan amalan bekerja membangunkan komuniti, cara yang kedua iaitu pendekatan bawah-atas lebih banyak menyediakan peluang dan ruang kepada komuniti untuk menyertai tindakan dan sekaligus meningkatkan daya dan keupayaan mereka. Proses ini dinamakan pendayaupayaan. Sungguhpun demikian, proses ini lebih mudah berlaku dalam budaya penyertaan terbuka yang menggalakkan komuniti sendiri membuat dan mengambil tanggungjawab ke atas keputusan yang difikirkan terbaik untuk mereka, tanpa dipengaruhi atau menerima tekanan dari mana-mana pihak. Sesungguhnya pendayaupayaan atau komuniti yang berdaya upaya tidak mengganggu *status quo* kerana proses mendayaupayaikan komuniti berlaku dalam konteks nilai, resam, budaya dan struktur sosial yang sedia ada lagi kukuh.

## RUJUKAN

- Adams, R. 1990. *Self-help, social work and empowerment*. London: Macmillan
- Arendt, H. 1970. *On violence*. London: Penguin Press
- Arnstein, S.R. 1969. "A ladder of citizen participation" dlm. *Journal of American Institute of Planners*, 35, 4 (July), 216-224
- Barr, R. 1995. "Empowering communities- beyond fashionalbe rhetoric? Some reflections on Scottish experience", *Community Development Journal*, 30, 2, 121-132
- Batten, T.R. 1957. *Communities and their development*. London: Oxford University Press
- Biddle, W.W. dan Biddle, L.J. 1965. *The community development process: The Rediscovery of local initiatives*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Brager, G. dan Specht, H. 1975. "The process of community work" dlm. Kramer, R.M. and Specht, H. (eds.) *Reading in community organization practice*. Englewood: Prentice-Hall
- Cary, L.J. (ed.) 1970. *Community development as a process*. Columbia: University of Missouri Press
- Cohen, J.M. dan Uphoff, N. 1977. *Rural development participation: Concepts and measure for the project design, implementation and evaluation*, Center for International studies, Rural Development Committee, Monograph No. 2, Ithaca: Cornell University
- Curtis, H.M. 1958. "Community development process – A democratic social process". *Adult leadership*, 16, 10, 277-282
- Giddens, A. 1985. *The nation state and violence*. Cambridge: Polity Press
- Hillery, G.A. 1955. "Definitions of community: areassss of agreement", *Rural Sociology*, 20
- Holnsteiner, M.R. 1977. "people power: Community participation in the planning of human settlement", *Assingment Children*, 40, 11-47.
- Koneya, M. (1978) "Citizen Participation is not Community Development", *Journal of Community Development Society of America*, 9, 2, 23-29
- Malaya. 1954. *Government Report*. Kuala Lumpur: Government Printer
- Malaysia. Unit Penyelarasan Perlaksanaan (UPP) 1987. *Merah Dua: Buku Panduan pembangunan daerah*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri
- Moser C.O.N. 1989. Community participation in urban projects in the Thirld world, *Progress in Planning*, 32, 2
- Oakley, P. 1989. *Community involvement in Health Development: An examination of the critical issue*. Geneva:WHO
- Parsons. R.J. 1991. "Empowerment: Purpose and practice in social work", *Social Work with the group*: 14, 2, 7-21.

- Putnam, R.D. (1995). "Bowling alone: America's declining social capital", *Journal of Democracy*, 6, 1, 65-78
- Thomas, D.N. 1983. *The making of community work*. London: George Allen & Unwin
- United Nation, 1960. *Community development and economic development: A study of the contribution of rural community development programmes to national economic development in Asia and Far East*. Bangkok: Economic Commission for Asia and the Far East
- Zimmerman, M.A. dan Rappaport, J. 1988. "Citizen participation, perceived control and psychological empowerment", *American Journal of Community Psychology*, 16, 5, 725-750
- Zainuddin Awang. 1989. Problems of implementation of rural development programme: A case study of the New Approach to village and rural development in Peninsular Malaysia. Ph.D Thesis. University of Leeds (unpublished).